

KORONAVIRUS

Puan Halimah seru warga SG terus bekerjasama, hulur bantuan

Presiden lakukan lawatan maya pertama ke Singapore Christian Home sebagai wadah alternatif menyokong masyarakat.

► **NATASHA MUSTAFA**
nmustafa@sph.com.sg

PRESIDEN Halimah Yacob menggesa warga Singapura terus bekerjasama dan menyumbang kepada masyarakat yang memerlukan bantuan semasa penularan pandemik koronavirus Covid-19.

Bercakap kepada media semasa lawatan maya pertamanya ke Singapore Christian Home (SCH) semalam, beliau melahirkan rasa gembira melihat penghuninya dapat bertahan dan besehat walaupun dalam keadaan mencabar sekarang.

SCH sebuah badan tidak mencari untung yang menjaga orang melarat dan daripada keluarga berpendapatan rendah yang memerlukan penjagaan perubatan dan rawatan tempoh panjang.

Walaupun tidak dapat mengunjungi premis SCH, Puan Halimah berkata adalah penting untuk beliau mencari wadah alternatif bagi terus berhubungan dan menyokong masyarakat.

"Semasa berbicara dengan mereka, ramai yang sudah pun melakukan penyesuaian dan menerima perubahan yang harus dilakukan semasa tempoh pemutus litar (jangkitan Covid-19) ini.

"Langkah-langkah pencegahan yang dilaksana ini penting kerana warga emas golongan mudah terjejas dalam keadaan sekarang," katanya.

Lawatan dalam talian itu ialah kesinambungan usaha Cabaran Presiden untuk membantu kumpulan kurang berkemampuan dalam masyarakat dalam menghadapi Covid-19.

Dalam ucapannya kepada SCH, Puan Halimah berkata kakitangan di barisan hadapan badan itu juga telah menjalankan tugas mereka dengan baik dalam memastikan penghuninya tetap selesa dalam keadaan mencabar.

Menurut Pengarah Kejururawatan SCH, Cik Jane Long, ada kakitangan badan itu kini menginap di hotel sebagai sebahagian langkah mengurangkan kontak mereka dengan orang ramai.

Antara mereka ialah Cik Coco Charina Aguilar, 33 tahun, seorang jururawat tersenarai di SCH.

"Memang susah juga ulang-alik antara hotel dan tempat ini. Sebilangan daripada kita harus berkorban tidak melihat keluarga selama beberapa minggu. Tetapi bagi saya, ini adalah satu langkah yang perlu dilakukan semasa waktu mencabar ini.

"Sebagai jururawat, keutamaan saya adalah keselamatan pesakit saya. Jadi jika saya perlu mengasingkan diri dari keluarga dan rakan-rakan saya, ini merupakan pengorbanan yang perlu saya lakukan bukan sahaja untuk pesakit saya tetapi untuk keluarga saya juga," ujar beliau.

Puan Halimah juga menekankan pentingnya Cabaran Presiden terus berusaha membantu melalui sumbangan masyarakat dan pertolongan perkhidmatan sosial semasa tempoh ini.

Menurutnya, Cabaran Presiden akan terus memberi sokongan kepada 72 agensi, seperti kesulitan mental, orang kurang upaya, yang memerlukan dan bekas pesalah.

"Keadaan ini tidak akan pulih dengan cepat, namun kita harus bekerja bersama dan menghulur bantuan kepada mereka yang memerlukan untuk bertahan bersama," ujar beliau.

Disebabkan langkah keselamatan tambahan sekarang, penghuni SCH tidak dapat bertemu keluarga mereka bagi Hari Raya ini.

Encik Shariel Sheikh Mahmud, 51 tahun, yang sudah tinggal di SCH selama lapan bulan, berkata beliau sedih tidak dapat berjumpa keluarganya, tetapi memahaminya.

"Saya sedih kerana keluarga saya tidak dapat bertemu saya. Tetapi saya memahami keadaan ini, dan sekarang saya menghubungi mereka melalui panggilan video," katanya.

Puan Halimah berkata beliau berharap dengan adanya teknologi ramai orang tetap mengambil peluang mengeratkan hubungan kekeluargaan.



COVID-19 TIDAK JADI HALANGAN: Walaupun tidak dapat mengunjungi premis SCH dek Covid-19, Presiden Halimah memanfaatkan teknologi untuk 'bertemu' penghuni dan kakitangan rumah kebajikan itu bagi menunjukkan sokongan beliau. — Foto MCI.

"Semasa berbicara dengan mereka, ramai yang sudah pun melakukan penyesuaian dan menerima perubahan yang harus dilakukan semasa tempoh pemutus litar (jangkitan Covid-19) ini. Langkah-langkah pencegahan yang dilaksana ini penting kerana warga emas golongan mudah terjejas dalam keadaan sekarang... Keadaan ini tidak akan pulih dengan cepat, namun kita harus bekerja bersama dan menghulur bantuan kepada mereka yang memerlukan untuk bertahan bersama."

— Presiden Halimah Yacob.